

AADK Kelantan cadang bina rumah komuniti di setiap daerah

Posted on August 18, 2014, Monday

PASIR PUTEH: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kelantan bercadang membina rumah komuniti di setiap daerah negeri ini bagi mendekatkan agensi itu dengan masyarakat.

Penolong Pengarah AADK Kelantan, Khairul Azmi Ahmad berkata sehingga kini tujuh rumah komuniti telah dibina iaitu di Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Gua Musang, Kota Baharu, Machang dan Pasir Mas.

Badan bukan kerajaan terutama persatuan belia boleh menggunakan rumah komuniti berkenaan sebagai tempat melaksanakan aktiviti bersama masyarakat terutama berkaitan usaha membendung penyalahgunaan dadah, katanya kepada pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri di Rumah Komuniti Pasir Puteh di sini, semalam.

Beliau berkata guru juga boleh menggunakan rumah komuniti berkenaan bagi menjalankan kelas bimbingan kepada pelajar.

Katanya seorang pegawai AADK akan ditugaskan bagi menguruskan rumah komuniti berkenaan di samping melaksanakan kempen membanteras penyalahgunaan dadah terutama dalam kalangan remaja. — Bernama